

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG TACK [ BENTONG ]**

**TARIKH : 16 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan benarkah Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) telah mengatakan bahawa 'Lynas operations is safe'. Sekiranya ya, nyatakan dokumen yang mengesahkan kenyataan ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (International Atomic Energy Agency, IAEA) telah menjalankan penilaian ke atas operasi Lynas sebanyak 2 kali.

**i. Kali pertama pada 29 Mei 2011 hingga 3 Jun 2011**

Misi Pakar Bebas Antarabangsa IAEA yang pertama pada 2011 bertujuan untuk menilai operasi Lynas Advanced Material Plant (LAMP) dari segi perundangan, proses dan prosedur yang dilaksanakan di Malaysia serta mendapatkan pandangan daripada orang awam termasuk persatuan penduduk, organisasi bukan kerajaan, badan profesional dan parti politik berkenaan kesan pembangunan LAMP.

Penemuan utama yang telah dilaporkan oleh IAEA dalam laporannya adalah bahawa panel penilai tidak menemui sebarang

pelanggaran operasi LAMP terhadap standard keselamatan sinaran yang digunakan di peringkat antarabangsa.

Susulan daripada penilaian tersebut, satu laporan bertajuk *Report of the International Review Mission on the Radiation Safety Aspects of a Proposed Rare Earths Processing Facility (the Lynas Project) 2011* telah diserahkan kepada kerajaan pada 30 Jun 2011 dan telah dipamerkan kepada umum melalui laman web IAEA.

**ii. Kali kedua pada tahun 13 - 17 Oktober 2014**

Misi Pakar Bebas Antarabangsa IAEA yang kedua pada 2014 telah melawat LAMP bagi penilaian semula ke atas syor yang dikemukakan oleh IAEA pada tahun 2011. Panel Pakar Bebas Antarabangsa IAEA melaporkan bahawa Kerajaan Malaysia dan LAMP telah melaksanakan semua syor yang dikemukakan pada tahun 2011.

Berdasarkan rumusan laporan, IAEA telah menyatakan bahawa penilaian ke atas operasi LAMP menunjukkan risiko radiologi ke atas orang awam dan alam sekitar adalah sangat rendah (*intrinsicly low*).

Hasil penilaian ini telah dilaporkan menerusi *Report of the International Post-Review Mission on the Radiation Safety Aspects of the Operation of a Rare Earth Processing Facility and Assessment of the Implementation of the 2011 Mission Recommendations 2014*.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kedua-dua laporan penemuan daripada IAEA ini juga telah dimasukkan ke dalam Laporan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) 2018. Kedua-dua laporan ini juga boleh diakses melalui laman web AELB.

Sekian, terima kasih.